

# Abdullah nafi penggabungan dikaji semula

UM-17/1/2007

PUTRAJAYA 16 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menafikan Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan mengkaji semula cadangan penggabungan tiga syarikat perladangan Sime Darby Bhd., Kumpulan Guthrie Bhd. serta Golden Hope Plantations Bhd.

Beliau berkata, keputusan mengenai perkara itu sudah dibuat dan akan diteruskan.

"Tidak benar (kerajaan akan kaji semula penggabungan itu). Keputusan sudah dibuat, kita akan teruskan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, di sini hari ini.

Abdullah memberitahu demikian ketika diminta mengulas kononnya PNB telah mengkaji semula penggabungan tiga syarikat perladangan berkenaan.

CIMB Group sebelum ini membuat tawaran kepada PNB untuk menggabungkan ketiga-tiga syarikat perladangan tersebut.

Penggabungan itu jika menjadi kenyataan merupakan satu janji niaga yang terbesar dalam sejarah perniagaan di negara ini.

PNB yang merupakan pemegang saham terbesar dalam ketiga-tiga syarikat itu akan mengepalai Synergy Drive Sdn. Bhd., syarikat jentera khas (SPV) yang ditubuhkan CIMB Group sebagai pemegang amanah bagi aset serta tanggungan ketiga-tiga syarikat yang digabungkan berdasarkan pegangan puratanya yang dijangka melebihi 45 peratus dalam entiti tersebut.

Entiti gabungan itu akan memiliki 600,000 hektar dengan kapasiti pengeluaran sembilan juta tan tandan buah segar dan 2.5 juta tan minyak sawit atau lima hingga enam peratus daripada pengeluaran dunia.